



## PERATURAN TETAP

### SUKAN INSTITUSI PENDIDIKAN MALAYSIA

#### (SIPMA)

---

### **1. DEFINISI**

- 1.1. SUKAN INSTITUSI PENDIDIKAN MALAYSIA (SIPMA) adalah bermaksud satu pertandingan beraneka jenis sukan (multi sports event) yang dipertandingkan antara 8 (lapan) buah kontinjen dalam Institusi Pendidikan.
- 1.2. JAWATANKUASA INDUK bermaksud Jawatankuasa Induk SIPMA yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 1.3. JAWATANKUASA PENGELOLA bermaksud Jawatankuasa yang dilantik untuk mengelolakan SIPMA.
- 1.4. PENGERTI bermaksud Pengurus Jawatankuasa Induk.
- 1.5. SEKRETARIAT adalah sebuah badan yang dilantik oleh Jawatankuasa Induk dalam membantu pengurusan dan pengelolaan SIPMA.
- 1.6. SEKRETARIAT ini adalah bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Induk.

## **2. PRINSIP-PRINSIP ASAS**

- 2.1. SIPMA adalah satu kejohanan peringkat kebangsaan yang diadakan setiap dua tahun sekali di bawah anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 2.2. Arahan pengelolaan SIPMA terletak kepada Jawatankuasa Induk haruslah diamanahkan kepada semua Majlis Sukan secara bergilir-gilir.

## **3. JAWATANKUASA INDUK**

- 3.1. Jawatankuasa Induk hendaklah mengandungi seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, seorang Setiausaha, dua orang Penolong Setiausaha, seorang Bendahari dan beberapa orang ahli yang terdiri daripada ahli-ahli dinyatakan dalam perkara 3.2 di bawah.
- 3.2. Ahli-ahli Jawatankuasa Induk yang lain hendaklah dilantik oleh Pengerusi dan hendaklah terdiri dari yang berikut :
  - a. Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia.
  - b. Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia
  - c. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia
  - d. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia
  - e. Pengarah Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia
  - f. SUB Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia
  - g. 8 Pengerusi/Presiden/YDP Majlis Sukan
- 3.3. Tugas-tugas Jawatankuasa Induk ialah :
  - a. Menjaminkan SIPMA dapat berjalan dengan lancar menurut masa dan giliran yang ditetapkan.

- b. Memastikan SIPMA dilaksanakan berdasarkan kepada prinsip-prinsip asas dan perkara yang tercatat di dalam semua peraturan SIPMA.

3.4. Kuasa-kuasa Jawatankuasa Induk :

- a. Pengerusi Jawatankuasa Induk berkuasa memanggil sesuatu mesyuarat apabila difikirkan perlu. Separuh daripada ahli Jawatankuasa Induk atau wakil yang menghadiri mesyuarat adalah dikira sebagai korum.
- b. Di dalam sesuatu mesyuarat Jawatankuasa Induk, Pengerusi boleh menjemput wakil dari agensi atau badan sukan berkaitan untuk menghadiri mesyuarat jika dengan kehadiran mereka dapat membantu jawatankuasa. Bagaimanapun jika keadaan memerlukan dan mesyuarat Jawatankuasa tidak dapat diadakan, maka Pengerusi boleh bertindak dalam membuat sesuatu keputusan.
- c. Jawatankuasa Induk hendaklah melantik Pengerusi Jawatankuasa Pengelola untuk SIPMA berikutnya.
- d. Jawatankuasa boleh menggantung kontinjen, pasukan, pegawai, jurulatih atau atlet yang melanggar peraturan daripada mengambil bahagian di SIPMA yang berikutnya.
- e. Jawatankuasa boleh menerima dan mempertimbangkan mana-mana Majlis Sukan untuk bertanding dalam SIPMA sebagai kontinjen/peserta jemputan.
- f. Jawatankuasa Induk boleh mengarah atau menarik balik semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa-Jawatankuasa yang lain sekiranya difikirkan perlu.

#### 4. JAWATANKUASA PENGELOLA

- 4.1. Jawatankuasa Pengelola SIPMA mengandungi seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, Setiausaha, Bendahari dan beberapa orang ahli yang difikirkan perlu.
- 4.2. Tempoh perkhidmatan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pengelola bermula dari tarikh ianya dilantik sehingga selesai pekerjaannya dan tidak lebih dari tarikh SIPMA berikutnya diadakan .

- 4.3. Jawatankuasa Pengelola adalah bertanggungjawab dalam :
- Membuat permohonan peruntukan dan menyediakan sepenuhnya pengelolaan SIPMA.
  - Mengadakan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pengelola dari masa ke semasa.
  - Menubuh dan melantik Jawatankuasa Kecil dengan mempunyai bidang tugas khusus dalam melaksanakan pengelolaan SIPMA.
  - Pada amnya bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Induk.
- 4.4. Tugas-tugas Jawatankuasa Pengelola
- Segala urusan Penganjuran SIPMA perlulah mendapatkan kerjasama Jawatankuasa Induk.
  - Jawatankuasa Pengelola adalah bertanggungjawab membuat segala persediaan yang perlu untuk SIPMA dan ianya adalah tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Induk.
  - Wakil Jawatankuasa Induk dari semasa ke semasa hendaklah dijemput hadir ke Mesyuarat-Mesyuarat Jawatankuasa Pengelola.
  - Jawatankuasa Pengelola hendaklah menujuhan Jawatankuasa Teknikal bagi tiap-tiap sukan yang dipertandingkan.
  - Jawatankuasa Pengelola hendaklah menyedia dan menyerahkan satu laporan Kejohanan dan Penyata Kewangan lengkap yang telah diauditkan selewat-lewatnya satu bulan selepas SIPMA berakhir dan dibentangkan kepada Jawatankuasa Induk.

## 5. PENETAPAN TARikh DAN TEMPAT PENGELOLAAN

- 5.1. Jawatankuasa Pengelola akan menetapkan tarikh dan tempat Majlis Sukan di mana SIPMA berikutnya akan diadakan. Kontinjen Majlis Sukan yang diamanahkan bagi mengelolakan SIPMA adalah bertanggungjawab kepada

Jawatankuasa Induk untuk membentuk sebuah Jawatankuasa Pengelola bagi mengendalikannya.

## **6. LOGO DAN LOGO KEJOHANAN**

- 6.1. Logo Rasmi SIPMA hendaklah digunakan dalam semua kejohanan SIPMA.
- 6.2. Setiap Majlis Sukan yang dilantik sebagai pengelola SIPMA boleh memasukkan ciri-ciri logo rasmi SIPMA untuk menghasilkan rekabentuk logo kejohanan SIPMA yang berkenaan.

## **7. PENAJAAN DAN KUTIPAN DERMA**

- 7.1. Lambang atau logo rasmi SIPMA, logo kejohanan SIPMA, lagu rasmi SIPMA tidak boleh digunakan bagi maksud perniagaan kecuali dengan kebenaran Jawatankuasa Induk.
- 7.2. Semua rundingan penajaan di peringkat kebangsaan hendaklah dibuat bersama antara Jawatankuasa Induk, Jawatankuasa Pengelola dan pihak penaja.

## **8. PENETAPAN BILANGAN DAN JENIS SUKAN**

- 8.1. Jumlah dan jenis-jenis sukan yang dipertandingkan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Induk dengan mengambil kira kepada keperluan pembangunan sukan semasa dan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Majlis Sukan termasuk tuan rumah.

## **9. UPACARA KEMENANGAN**

- 9.1. Pingat-pingat kemenangan akan dihadiahkan kepada pemenang-pemenang sebaik sahaja selesai acara sesuatu pertandingan di tempat berlangsungnya pertandingan berkenaan.